

## **PENILAIAN IMPAK SOSIAL DAN ALAM SEKITAR DALAM SEKTOR PEMBALAKAN DI NEGERI PAHANG (2022)**

**DAERAH** : Kuantan/ Pekan/ Maran  
**HUTAN SIMPAN** : BERKELAH  
**KOMPARTMEN** : 410 DAN 411

Penilaian Impak Sosial (SIA) di kawasan pembalakan di atas telah dilakukan oleh pihak Pejabat Hutan Daerah Kuantan/ Pekan/ Maran dalam tempoh sebelum, semasa dan selepas aktiviti pembalakan dijalankan di bagi tempoh 2018 sehingga 2022.

Bagi kajian impak sosial yang telah dikemukakan ke atas penduduk setempat di Kampung Batu 5 untuk sepanjang tempoh sebelum, semasa dan selepas pembalakan, dapatan kajian adalah seperti berikut:

### **SEBELUM AKTIVITI PEMBALAKAN**

(berdasarkan borang soal selidik yang digunapakai sehingga tahun 2018)

Berdasarkan soal selidik dan pemerhatian yang dijalankan, keputusan keseluruhan Analisa terhadap aspek alam sekitar, sosial, ekonomi, kesihatan serta flora dan fauna adalah sebanyak 10.53% berpendapat pengusahasilan yang akan dijalankan mendatangkan kesan negatif manakala 89.47% berpendapat ianya tidak memberi kesan negatif kepada penduduk setempat.

Walaubagaimanapun kesan negative tersebut dapat dikurangkan dengan faedah yang dapat diberikan setelah aktiviti pembalakan dimulakan antaranya adalah ianya memberi peluang pekerjaan bagi dijadikan pendapatan sampingan seperti bertugas sebagai pegawai keselamatan dan pekerja am untuk kontraktor pembalakan. Selain itu, dengan adanya jalan hutan yang akan dibina dan diselenggara kelak, dapat memberikan faedah kepada penduduk setempat untuk menjalankan aktiviti seharian.

Pemantauan secara berkala akan dijalankan oleh pihak Pejabat Hutan Daerah bagi memastikan kerja-kerja pengusahasilan berjalan mengikut peraturan yang berkuatkuasa.

### **SEMASA AKTIVITI PEMBALAKAN**

(berdasarkan borang soal selidik yang digunapakai sehingga tahun 2018)

Semasa aktiviti pembalakan dijalankan di HS Berkelah, maklumbalas yang diterima daripada wakil penduduk Kampung Batu 5, adalah tiada kesan ketara yang negatif kepada penduduk setempat dari segi ekonomi, infrastruktur, kesihatan, kestabilan sosial, kestabilan alam sekitar dan kepelbagaian flora dan fauna. Walaupun demikian, tidak dinafikan akibat daripada aktiviti pembalakan telah memberikan sedikit kesan dari segi alam sekitar iaitu berlakunya peningkatan pencemaran alam sekitar seperti sampah, sisa pepejal dan lain-lain. Selain daripada itu, akibat daripada pembukaan kawasan pembalakan sedikit sebanyak mengakibatkan hakisan tanah, tanah runtuh dan banjir lumpur.

Secara keseluruhannya wakil penduduk berpendapat kesan daripada pembukaan kawasan pembalakan akan menyebabkan pokok ubatan yang terdapat di dalam hutan akan terjejas, walaubagaimanapun tiada bantahan diterima bagi meneruskan aktiviti pembalakan di HS Bukit Kuantan.

## **SELEPAS AKTIVITI PEMBALAKAN**

(berdasarkan borang soal selidik yang digunapakai sehingga tahun 2018)

Setelah aktiviti pembalakan dijalankan di HS Berkelah, maklumbalas yang diterima daripada wakil penduduk Kampung Batu 5 serta Kampung Sri Fajar, Gambang adalah tiada kesan ketara yang negatif kepada penduduk setempat dari segi ekonomi, infrastruktur, kesihatan, kestabilan sosial, kestabilan alam sekitar dan kepelbagaian flora dan fauna disebabkan jalan akses masuk ke kawasan lesen ini tidak melalui tanah persendirian. Tiada bantahan rasmi mahupun tidak rasmi tidak pernah diterima oleh Pejabat Hutan Daerah mahupun Jabatan Perhutanan Negeri Pahang berhubung dengan aktiviti pembalakan yang dijalankan di kawasan tersebut.

Untuk makluman juga, kawasan lesen ini tidak menyalurkan bekalan air bersih kepada penduduk sekitar di samping tiada aduan daripada Jabatan Kesihatan diterima akibat daripada berlakunya aktiviti pembalakan di kawasan lesen tersebut. Pihak Pejabat Hutan Daerah dan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang akui bahawa aktiviti pembalakan berkemungkinan boleh meningkatkan risiko kebakaran hutan, walaubagaimanapun pemantauan dan penguatkuasaan sentiasa dilakukan oleh pihak ini bagi memastikan risiko tersebut dapat diminimakan.

Secara keseluruhannya wakil penduduk berpendapat kesan daripada pembukaan kawasan pembalakan akan menyebabkan spesies kepelbagaian flora dan fauna terancam dan bantahan yang diterima telah diulas dan diperjelaskan dengan terperinci oleh pihak jabatan bagi mengelakkan persepsi negatif terhadap aktiviti pembalakan yang dijalankan.